



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 3/2024

MENERIMA PAKAI CERAIAN SR.1.2.2 – BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT, BANTUAN BAYARAN PAKAIAN BLACK TIE DAN BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI DAN PERLUASAN KEMUDAHAN MELIPUTI PAKAIAN BATIK MALAYSIA DI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pemakaian Ceraian SR.1.2.2 – Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie Dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi dan Perluasan Kemudahan Meliputi Pakaian Batik Malaysia di Universiti Malaysia Kelantan.
2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 5/2023 (Kali ke-72) pada 20 Disember 2023 telah meluluskan pemakaian MyPPSM, Ceraian SR. 1.2.2 (Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi) melalui surat edaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bertarikh 23 Mac 2023 berkuat kuasa pada 01 Januari 2023. Sila rujuk **Lampiran 1**.
3. Perincian maklumat penambahbaikan kadar adalah sebagaimana berikut:

Bil.	Kemudahan	Jenis Pakaian	Kadar Baharu (RM)
1.	Bayaran Pakaian Istiadat	Pakaian Siang & Pakaian Malam (<i>Mess Kit</i>)	3,500.00
2.	Bantuan Bayaran Pakaian <i>Black Tie</i>	Pakaian Separa Rasmi Barat	1,000.00
3.	Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi	<i>Dark Lounge Suit/ Pakaian Kebangsaan/ Pakaian Batik Malaysia</i> bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita termasuk Pakaian Batik Malaysia.	650.00 (pegawai) 450.00 (pasangan)

4. Kadar bayaran bantuan pakaian istiadat dinaikkan daripada RM1,500.00 kepada RM3,500.00 merangkumi pakaian siang dan pakaian malam dan boleh dituntut bersekali atau berasingan dalam tempoh tiga (3) tahun dan disokong dengan resit berkuat kuasa mulai 01 Januari 2023.
5. Selain itu, Lembaga turut bersetuju untuk meluluskan pemakaian surat edaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia bertarikh 14 Disember 2023 berhubung Perluasan Kemudahan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi untuk Meliputi Pakaian Batik Malaysia berkuat kuasa mulai 01 Januari 2024. Sila rujuk **Lampiran 2**.

6. Perluasan kemudahan bayaran pakaian menghadiri upacara rasmi meliputi pakaian Batik Malaysia adalah seperti berikut:

Tafsiran Sedia Ada	Pindaan Tafsiran
'Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi' ertinya Pakaian Kebangsaan atau <i>Dark Lounge Suit</i> bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan/ Negeri atau bertugas rasmi di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.	'Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi' ertinya Pakaian Kebangsaan, <i>Dark Lounge Suit</i> atau Pakaian Batik Malaysia bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita termasuk Pakaian Batik Malaysia semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan/ Negeri atau bertugas rasmi di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

7. Kerjasama semua pihak dimohon untuk mengambil perhatian ke atas pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)
Pendaftar

24 JANUARI 2024

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

LAMPIRAN 1

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S) 800-1/1/14(24)
Tarikh : 23 Mac 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN PAKAIAN ISTIADAT PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kemudahan Pakaian Istiadat sedia ada diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian SR.1.2.2 (Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi) kepada Pegawai Perkhidmatan Awam (PPA) yang layak semasa menghadiri upacara rasmi.
3. Selaras dengan usaha berterusan untuk memastikan peraturan-peraturan berkaitan pengurusan sumber manusia adalah kekal relevan

dan terkini, Kerajaan bersetuju supaya Kemudahan Pakaian Istiadat ditambah baik seperti berikut:

- (i) **Kadar bayaran pakaian istiadat dinaikkan daripada RM1,500.00 kepada RM3,500.00 merangkumi pakaian siang dan pakaian malam;** dan
- (ii) **Pakaian siang dan pakaian malam boleh dituntut bersekali atau berasingan dalam tempoh tiga (3) tahun dan disokong dengan resit.**

4. Penambahbaikan peraturan ini dilaksanakan melalui MyPPSM, Ceraian SR.1.2.2 (Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian Black Tie dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi) seperti di **Lampiran A** berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.


5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)

s.k:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 10, Blok Tengah
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 1-8 Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 PUTRAJAYA

Ketua Audit Negara Malaysia
Jabatan Audit Negara
Aras 9, Blok F2, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
 Aras 13, Blok C1, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62510 W.P. PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel: 603-80008000
 Faks (Fax): 603-88892187
 Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.(S).800-6/2/32 (14)

Tarikh : 14 Disember 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
 Semua Ketua Jabatan Persekutuan
 Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
 Semua Pihak Berkuasa Berkanun
 Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PERLUASAN KEMUDAHAN BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI
 UPACARA RASMI UNTUK MELIPUTI PAKAIAN BATIK MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Kerajaan melalui Belanjawan 2024 Malaysia Madani telah bersetuju memperluaskan kemudahan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi (BPMUR) untuk meliputi Pakaian Batik Malaysia kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang layak.

3. Sehubungan dengan itu, bagi menambah baik dan mengemas kini peraturan yang sedang berkuat kuasa, tafsiran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi di bawah Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.1.2.2: Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi ditambah baik seperti mana berikut:

TAFSIRAN SEDIA ADA	PINDAAN TAFSIRAN
‘Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi’ ertinya Pakaian Kebangsaan atau <i>Dark Lounge Suit</i> bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan/ Negeri atau bertugas rasmi di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.	‘Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi’ ertinya Pakaian Kebangsaan, <i>Dark Lounge Suit</i> atau Pakaian Batik Malaysia bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita termasuk Pakaian Batik Malaysia semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan/ Negeri atau bertugas rasmi di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

4. Pindaan tafsiran ini dilaksanakan melalui MyPPSM Ceraian SR.1.2.2: Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi seperti di **Lampiran A** yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024.


5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature consisting of stylized letters 'a' and 'm' connected by a horizontal line, with a vertical line extending upwards from the left side.

(DATO' SERI DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)

s.k:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 10, Blok Tengah
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 1-8 Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 PUTRAJAYA

Ketua Audit Negara Malaysia
Jabatan Audit Negara
Aras 9, Blok F2, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA



CERAIAN SR.1.2.2

BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT, BANTUAN BAYARAN PAKAIAN *BLACK TIE* DAN BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA RASMI

TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan untuk menetapkan kemudahan Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi (BPMUR) kepada Pegawai Perkhidmatan Awam adalah diperuntukkan melalui [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2007](#) dan [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 tahun 2007](#) serta [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 tahun 2008](#).

TAFSIRAN

3. “**Pakaian Istiadat**” ertinya pakaian upacara rasmi yang direka bentuk khas untuk sesuatu perkhidmatan.

4. “**Pakaian Black Tie**” ertinya pakaian separa rasmi barat yang dipakai untuk majlis makan malam. Komponen Pakaian *Black Tie* kepada pegawai wanita adalah baju kurung/kebaya berserta selendang atau pakaian petang (*evening dress*) termasuk beg tangan dan kasut.

5. “**Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi**” ertinya Pakaian Kebangsaan, *Dark Lounge Suit* atau Pakaian Batik Malaysia bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita termasuk Pakaian Batik Malaysia semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan/ Negeri atau bertugas rasmi di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

6. “**Pasangan pegawai**” bagi maksud menghadiri upacara rasmi adalah merujuk kepada suami atau isteri pegawai.



SR.1.2.2

7. “**Petugas Harian**” dalam konteks pemberian Kemudahan BPMUR adalah merujuk kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang diarahkan oleh Ketua Jabatan secara penggiliran untuk bertugas secara fizikal semasa persidangan Parlimen atau DUN dan bertanggungjawab mencatatkan segala perkara berkaitan Kementerian/ Jabatan/ Agensi sepanjang perbahasan berlangsung seterusnya menyediakan Laporan Parlimen di mana tugas tersebut merupakan bukan sifat tugas hakiki pegawai.

PELAKSANAAN

Kelayakan

8. Pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai Pakaian Istiadat layak diberi Bayaran Pakaian Istiadat dan boleh memilih untuk menggantikannya dengan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

9. Pegawai Perkhidmatan Awam yang tidak mempunyai Pakaian Istiadat dan dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

10. Pasangan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang turut hadir dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

11. Pegawai Perkhidmatan Awam Gred 41 dan ke atas dan Kumpulan Pelaksana Gred 29 hingga 40 yang diarah bertugas di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri sebagai Petugas Harian layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

12. Pegawai Perkhidmatan Awam yang dikehendaki memakai Pakaian Istiadat semasa menghadiri upacara rasmi layak diberi Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie*.

Kadar Bantuan Bayaran Pakaian

13. Kadar bagi Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi adalah seperti berikut:



SR.1.2.2

Bil.	Kemudahan	Jenis Pakaian	Kadar (RM)
1.	Bayaran Pakaian Istiadat	Pakaian Siang dan Pakaian Malam (Mess Kit)	3,500.00
2.	Bantuan Bayaran Pakaian <i>Black Tie</i>	Pakaian separa rasmi barat	1,000.00
3.	Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi	Pakaian Kebangsaan, <i>Dark Lounge Suit</i> atau Pakaian Batik Malaysia (bagi lelaki)	650.00 (pegawai)
		Pakaian yang bersesuaian termasuk Pakaian Batik Malaysia (bagi wanita)	450.00 (pasangan)

14. Kadar ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023. Pegawai yang telah membuat tuntutan sebelum tarikh kuat kuasa ini adalah tertakluk kepada kadar dan syarat terdahulu.

Syarat-Syarat Umum

15. Kemudahan ini adalah tertakluk kepada syarat umum seperti berikut:

- kemudahan diberi setiap tiga (3) tahun sekali;
- tuntutan bayaran balik hendaklah disokong dengan resit dan maklumat mengenai jemputan ke upacara rasmi yang berkaitan atau surat arahan bertugas di Parlimen/ Dewan Undangan Negeri; dan
- penggunaan kemudahan ini hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai.

Syarat-Syarat Khusus

16. Pakaian Istiadat

- pakaian siang dan pakaian malam boleh dituntut bersekali atau berasingan dalam tempoh 3 tahun;
- pegawai yang telah diberi Bayaran Pakaian Istiadat tidak layak menuntut Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi dalam tempoh tiga (3) tahun yang sama; dan



SR.1.2.2

- c) tempoh tiga (3) tahun dikira daripada tarikh tuntutan yang pertama sama ada pakaian siang atau pakaian malam.

17. Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi

Kemudahan ini diperuntukkan kepada:

- a) Pegawai Perkhidmatan Awam yang hadir sebagai Penerima Pingat/ Bintang Darjah Kebesaran di peringkat Persekutuan atau Negeri;
- b) Pegawai Perkhidmatan Awam Gred 29 dan ke atas yang dikehendaki hadir bertugas sebagai Petugas Harian di Parlimen atau Dewan Undang Negeri;
- c) pegawai yang menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan/ Negeri dan membawa pasangan bukan Pegawai Perkhidmatan Awam, tuntutan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi bagi pasangannya hendaklah dikemukakan kepada Jabatan pegawai. Bagi pasangan yang merupakan Pegawai Perkhidmatan Awam tuntutan perlu dikemukakan kepada Jabatan masing-masing; dan
- d) tempoh tiga (3) tahun dikira daripada tarikh tuntutan yang pertama sama ada bagi pegawai ataupun pasangan.

PEMBATALAN

18. Dengan berkuatkuasanya Ceraian ini, Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Pekeliling Perkhidmatan seperti di bawah adalah **dibatalkan**.

- a) **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2007:** Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi;
- b) **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007:** Penjelasan Mengenai Pelaksanaan Pemberian Kemudahan Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* Dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi; dan
- c) **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2008:** Pemanjangan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi Kepada Pegawai Dalam Kumpulan Sokongan Yang Diarah Bertugas Di Parlimen Atau Dewan Undangan Negeri.



SR.1.2.2

PEMAKAIAN

19. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA